



**PARLIMEN MALAYSIA
(KAMAR KHAS)**

**UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN
PERKARA
TADBIR KERAJAAN
(*PERATURAN MESYUARAT 17 BAHARU*)**

**DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN ALAM SEKITAR**

7 MAC 2017 (SELASA)

tempatan yang tinggal di kawasan berkenaan. Salain itu, masalah hakisan pantai ini juga turut menyebabkan masalah kepada penduduk tempatan yang mengusahakan kebun sawit mereka dan ini seterusnya menyumbang kepada kehilangan punca pendapatan mereka sebagai pekebun.

Walaupun terdapat beberapa usaha untuk mengawal hakisan pantai ini daripada terus berlaku telah dilakukan seperti pembinaan tembok penahan hakisan, namun ianya masih dilihat tidak berkesan bagi mengawal masalah ini. Oleh yang demikian, saya ingin pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk menyatakan :

- i) apakah tindakan segera dan juga tindakan bagi tempoh jangka masa yang panjang yang boleh dilakukan bagi mengawal masalah hakisan pantai ini selain pembinaan tembok penahan hakisan berkenaan;
- ii) apakah pihak Kementerian mempunyai alternatif lain seperti penggunaan teknologi moden yang lebih sesuai bagi mengatasi masalah ini; dan
- iii) adakah kaedah pemasangan tembok penahan hakisan yang dilakukan sekarang dan adakah kaedah berkenaan masih lagi sesuai untuk digunakan sebagai pemasangan tembok penahan hakisan di pantai-pantai di negara ini.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN:

Kementerian mengambil berat dan maklum berkaitan masalah hakisan pantai yang berlaku di Malaysia. Oleh itu Kementerian telah mengambil tindakan segera dalam menangani masalah hakisan ini melalui Projek Pengawalan Hakisan Pantai di Kuala Sungai Punggur, Rengit Batu Pahat, Johor yang telah siap dibina pada tahun 2008 dengan nilai projek RM1.33 juta. Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) juga telah melaksanakan Projek Mencegah Hakisan Pantai Kawasan Pantai Skim Senggarang Batu Pahat sepanjang 1.1km dan menelan belanja sebanyak RM4.2 Juta. Projek ini telah dimulakan pada September 2014 dan siap pada Disember 2015. Di samping itu juga, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Batu Pahat telah melaksanakan projek-projek kawalan hakisan pantai seperti berikut:

- i) Membina dan Menyiapkan Benteng Batu (*Rock Bund*) sepanjang 200m di Kuala Senggarang pada tahun 2002 bernilai RM242,000.00;
- ii) Membina dan Menyiapkan *Concrete Block Revetment* di Pantai Rekreasi Punggur pada tahun 2006 bernilai RM193,930.00; dan
- iii) Projek Membina Benteng Hakisan di Kuala Parit Hj. Salam pada tahun 2014 bernilai RM424,960.00.

Pada masa yang sama, NRE melalui JPS juga telah menjalankan kerja-kerja pemantauan terhadap struktur ban di Daerah Batu Pahat serta membaikpulih ban-ban batu/ tanah yang mengalami kerosakan dari semasa ke semasa. Sepanjang tahun 2008 hingga 2014, sebanyak 20 kerja-kerja penyelenggaraan melalui sebutharga telah dilaksanakan

untuk membaikpulihan struktur ban yang rosak di sepanjang Pantai Batu Pahat. Kos keseluruhan untuk kerja-kerja berkenaan ialah sebanyak RM3.9 juta.

Pihak Kerajaan melalui NRE/JPS amat prihatin akan masalah hakisan di kawasan Batu Pahat. Pada tahun 2016 sahaja, JPS Batu Pahat telah membelanjakan sebanyak RM1.9 juta bagi melaksanakan 5 kerja penyelenggaraan benteng pantai yang bermasalah.

Status tindakan semasa yang akan dilaksanakan JPS Batu Pahat ialah perolehan Projek Menaiktaraf Benteng Dari Parit Botak ke Parit Hailam Batu Pahat yang bernilai RM1.85 juta dan kerja fizikal dijangka akan dilaksanakan pada Julai 2017.

Kerajaan Persekutuan melalui NRE/JPS telah meluluskan sebanyak RM1.6 juta dalam RMKe-11 bagi kerja-kerja pembaikan Struktur Pantai Batu Pahat di 4 lokasi seperti berikut:

- i) Kg. Batu, Pantai Sg. Koris Batu Pahat;
- ii) Kg. Sg. Koris, Pantai Sg. Koris Batu Pahat;
- iii) Kg. Sg. Lurus, Pantai Sg. Lurus Batu Pahat; dan
- iv) Kg. Parit Jabar, Pantai Sg. Lurus Batu Pahat.

Selain itu, JPS melalui NRE telah memohon peruntukan *Rolling Plan 3* RMKe-11 bagi kerja-kerja:

- i) Pengawalan Hakisan Pantai Bagi Menangani Masalah Fenomena Banjir Air Pasang Besar di Pantai Barat Termasuklah Batu Pahat Johor.

Bagi tindakan jangka panjang, JPS telah menjalankan kajian ***Integrated Shoreline Management Plan (ISMP)*** pada tahun 2012 dan ***National Coastal Erosion Study (NCES)*** pada tahun 2015 untuk mengenalpasti kategori hakisan, cadangan struktur dan jenis pembangunan yang sesuai dibina di kawasan tersebut. Ini termasuklah mengkaji struktur hakisan pantai yang sesuai dibina dan juga mengambilkira faktor geografi kawasan tersebut bagi mengenalpasti kaedah yang optimum dalam mengatasi masalah hakisan di sepanjang pantai yang terlibat secara holistik.

Penilaian yang tepat dan penggunaan teknologi moden amat penting bagi memastikan masalah hakisan dapat ditangani dengan lebih berkesan dan menyeluruh. Oleh yang demikian kajian hidraulik secara permodelan numerikal dan fizikal perlulah dilaksanakan untuk memahami sifat hidrodinamik di kawasan berkaitan dalam pemilihan struktur di tapak.

Penggunaan struktur bagi pengawalan hakisan yang digunakan pakai merupakan kaedah lazim yang digunakan di seluruh dunia. Namun Kementerian sentiasa berusaha mengenalpasti teknologi-teknologi baru yang boleh dan bersesuaian untuk digunakan dalam pengawalan hakisan pantai di Malaysia.

Sekian, terima kasih.